

2316MST 20 07 85
U B868 AAB
MAHATHIR-WANG

1985

KUALA LUMPUR, 20 JULAI (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA TINDAKAN AKAN DIAMBIL TERHADAP MANA-MANA PEMIMPIN PARTI YANG MEMPERALATKAN PARTI UNTUK Mencari Kekayaan.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MAJLIS TERTINGGI PARTI DI SINI HARI INI, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA UMNO TIDAK MENENTANG USAHA OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN UNTUK Mencari Kekayaan ATAS USAHANYA SENDIRI.

BAGAIMANAPUN, JIKA SESEORANG PEMIMPIN ITU CUBA MENGGUNAKAN PENGARUH PARTI UNTUK TUJUAN TERSEBUT, TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL TERHADAPNYA, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MESYUARAT HARI INI TIDAK MEMBERI TUMPUAN KEPADA +POLITIK WANG+ YANG SERING DIPERKATAKAN BERLAKU DALAM UMNO.

KATANYA UMNO TELAHPUN MENYUSUN STRATEGI TERMASUK CADANGAN MEMINDA PERLEMBAGAAN PARTI BAGI MEMBOLEHKAN PARTI MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT. -- LAGI
2226MST 20 07 85

MAHATHIR-WANG 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI MASALAH-MASALAH DALAM PARTI, BELIAU BERKATA SEBARANG MASALAH DI PERINGKAT CAWANGAN ATAU BAHAGIAN BOLEH DISELESAIKAN TANPA MEREKA YANG TERBABIT MENGHERETNYA KE MAHKAMAH.

KATANYA PERLEMBAGAAN PERLU DIPINDA UNTUK MEMASTIKAN SETIAP ANGGOTA +MENGIKAT KONTRAK+ DENGAN PARTI IAITU MEREKA PERLU MENGHABISKAN SEGALA USAHA MENERUSI SALURAN-SALURAN PARTI SEBELUM MEMBAWA SATU-SATU MASALAH KE MAHKAMAH. -- BERNAMA
2227MST 20 07 85